

KEMPEN “HARI RAYA”

Latest updated on 24 May 2018

TEMPOH PROMOSI

“Kempen Hari Raya” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) terbuka kepada Hong Leong Connect, cawangan-cawangan HLB dan HLISB, Jualan Langsung dan Telepemasaran (“Saluran Sertaan”). Kempen ini merangkumi akaun semasa/akaun semasa-i atau akaun simpanan/akaun simpanan-i (“CASA/-i”), kad kredit, pembiayaan auto atau pembiayaan auto-i (“Pembiayaan Auto/-i) dan promosi pinjaman hartanah HLB atau pembiayaan hartanah-i HLISB (“Pembiayaan/Pinjaman Hartanah-i). Kempen ini akan diadakan dari 09:15:00 jam (9:15 pagi.) hingga 16:30:00 jam (4.30 petang) bermula pada 30 Mei 2018 hingga 30 Jun 2018 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Kempen”) melainkan diberitahu sebaliknya.

HLB dan HLISB secara kolektif dikenali sebagai “Bank”.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-

PROMOSI AKAUN SEMASA & SIMPANAN/-i (“CASA/-i”) (PROMOSI A)

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada pelanggan individu HLB/HLISB warga Malaysia yang merupakan pemegang akaun baharu dan sedia ada bagi CASA/-i HLB/HLISB sertaan berikut, termasuk pelanggan Perbankan Prioriti dan Perbankan Persendirian Hong Leong (“Pemegang Akaun”).
2. CASA/-i Sertaan bagi Promosi ini adalah seperti berikut (“Akaun Sertaan”):
 - (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong
 - (b) Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong
 - (c) Akaun Simpanan-i Multi-tier Hong Leong
 - (d) Akaun Simpanan Hong Leong
 - (e) Akaun Simpanan-i Hong Leong
 - (f) Akaun Semasa Asas Hong Leong
 - (g) Akaun Semasa Hong Leong
 - (h) Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong
 - (i) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong
 - (j) Akaun Pay&Save Hong Leong
 - (k) Akaun Pay&Save-i Hong Leong
 - (l) Akaun Smartlink Hong Leong
 - (m) Akaun Top Yield Hong Leong
 - (n) Akaun One Hong Leong
 - (o) Akaun Semasa One-i Hong Leong
 - (p) Akaun Payroll Plus-i Hong Leong
 - (q) Akaun 3-in-1 Junior Hong Leong
 - (r) Akaun Simpanan Junior Hong Leong
 - (s) Akaun Simpanan-i Junior Hong Leong
 - (t) Akaun Deposit Money Box

Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Sertaan CASA-i yang dinyatakan dalam Fasal 2 di atas adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

KAEDAH PROMOSI A

3. Pemegang Akaun mestilah:-

- (a) Deposit amaun seperti dinyatakan dalam jadual di bawah (“Amaun Peruntuk Minimum”) ke dalam Akaun Sertaan semasa Tempoh Promosi; dan
- (b) mengekalkan Amaun Peruntuk Minimum selama empat (4) bulan berturut-turut (“Tempoh Peruntuk”) dari tarikh Amaun Peruntuk Minimum didepositkan ke dalam Akaun Sertaan,

supaya Pemegang Akaun layak mendapat Pemberian Peserta Terawal (“Pemberian”) :

Kategori Pemberian	Pemberian Peruntuk	Amaun Peruntuk Minimum (RM) untuk setiap set	Jumlah Peruntukan Pemberian (Unit)
1	Set Kanister Block 3 buah Glasslock	5,888.00	500
2	Set Minum 3 buah Glasslock	8,888.00	400
3	Set ketuhar 2 buah Glasslock	10,888.00	150
4	Set Bekas Makan 5 buah Glasslock	16,888.00	100

4. Pemegang Akaun yang telah memenuhi kriteria seperti yang ditetapkan dalam Fasal 3 di atas hendaklah dirujuk sebagai “Pemegang Akaun CASA-i Layak”.

5. Semua deposit mestilah “Dana Baharu” sahaja. Bagi mengelakkan keraguan, “Dana Baharu” ditakrif sebagai:

- (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Sertaan: dan
- (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam Akaun Sertaan.

6. Yang berikut TIDAK dianggap sebagai “Dana Baharu”:

- (a) FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang apa-apa akaun deposit tetap atau deposit tetap-i (“FD/FD-i”) yang sedia ada;
- (b) Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada Akaun Sertaan HLB / HLISB yang lain, FD/FD-i atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”); dan
- (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).

7. Pemberian adalah atas dasar siapa cepat dia dapat, dihadkan kepada satu (1) Pemberian bagi setiap kategori Pemberian bagi setiap Pemegang Akaun CASA-i Layak sepanjang Tempoh Promosi tanpa mengira jumlah amaun deposit yang diletakkan dalam Akaun Sertaan sepanjang Tempoh Promosi.

8. Pemegang Akaun CASA-i Layak akan diberitahu oleh Bank sama ada melalui surat, panggilan telefon atau penyiaran senarai Pemegang Akaun CASA-i Layak yang berkecualan dalam laman web Bank

di www.hlb.com.my/ www.hlisb.com.my (“Laman Web Bank”) tidak lewat daripada 3 Ogos 2018 (“Tarikh Pemberitahuan”) untuk mengambil Pemberian daripada cawangan asal bank masing-masing.

9. Pemegang Akaun CASA/i Layak adalah bertanggungjawab untuk mengambil Pemberian daripada cawangan asal bank masing-masing dalam masa satu (1) bulan dari Tarikh Pemberitahuan, jika gagal berbuat demikian, Pemberian itu akan dilupuskan dan Bank tidak akan melayani apa-apa tuntutan daripada Pemegang Akaun Layak setelah luputnya tarikh akhir tersebut.
10. Pemberitahuan akan dikeluarkan sekiranya mana-mana atau kesemua Pemberian itu kehabisan stok dengan menyiarkannya dalam Laman-laman Web Bank.
11. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan sama sekali terhadap mana-mana Pemberian yang hilang, koyak, rosak atau dicuri dan sebarang permintaan untuk gantian Pemberian itu tidak akan dilayani oleh Bank.
12. Amaun Deposit Peruntuk yang diperuntuk tidak boleh dikeluarkan (sebahagian atau keseluruhan) semasa Tempoh Peruntuk atas apa jua sebab sekalipun.

“PROMOSI PULANGAN TUNAI KAD KREDIT SEHINGGA RM350 BAGI PEMEROLEHAN BAHARU-KEPADA-KAD HONG LEONG” (PROMOSI B)

KELAYAKAN

13. Promosi ini terbuka untuk penyertaan oleh Pemegang Kad Utama Baharu-kepada-Kad (“NTC”) warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang semasa Tempoh Promosi memohon mana-mana kad kredit HLB (“Kad Layak”) sertain berikut dan Kad Layak berjaya dikeluarkan selewat-lewatnya 31 Julai 2018 (“Pemegang Kad NTC”).

<u>Pilihan 1</u> Pilih satu Visa + satu Mastercard		<u>Pilihan 2</u> Pilih satu daripada yang berikut
<p><u>Visa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sutera Platinum • Generic Gold • GSC Platinum/Gold • Essential Gold • Fortune Gold 	<p><u>Mastercard</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sutera Platinum • Generic Gold • The Store Platinum/Gold • Pacific Platinum/Gold • I'M Gold • Business Platinum 	<ul style="list-style-type: none"> • Visa Infinite • Visa Infinite Doctor's Edition

Bagi mengelakkan keraguan, bagi “Pilihan 1” kedua-dua Kad Layak mestilah diluluskan supaya Pemegang Kad NTC layak menyertai Promosi ini.

Perhatian: Pemegang Kad NTC menandakan pemegang kad baharu yang bukan pemegang kad utama mana-mana Kad Kredit HLB (termasuk Mach dan bekas EON Bank Berhad) sebelum Tempoh Promosi dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Fasal 14 di bawah.

14. Golongan berikut tidak dianggap sebagai Pemegang Kad NTC dan TIDAK layak menyertai Promosi ini:

- (a) Pemegang kad utama sedia ada bagi mana-mana Kad Kredit HLB (termasuk Mach dan bekas EON Bank Berhad);
 - (b) Pemegang Kad yang tidak lagi memegang mana-mana Kad Kredit HLB yang sah dan/atau pemegang kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka tertunggak;
 - (c) Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB yang baharu (termasuk mana-mana Kad Layak) sebagai pemegang kad utama dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut;
 - (d) Pemegang kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.
15. Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad NTC hendaklah memberi butir maklumat mereka yang terkini dan tepat (termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat surat-menyurat dan nombor telefon kepada HLB ketika memohon Kad Layak dan pada dasarnya Pemegang Kad NTC bertanggungjawab menghubungi HLB sekiranya tidak menerima Kad Layak diluluskan dalam masa 60 hari dari tarikh permohonan, jika gagal berbuat demikian, maka Pemegang Kad NTC dianggap telah menerima Kad Layak dan HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemegang Kad NTC tidak dapat menyertai Promosi ini biar apa pun sebabnya.

KAEDAH PROMOSI B

16. Pemegang Kad NTC akan layak menikmati tawaran-tawaran berikut dengan syarat Pemegang Kad NTC ("Pemegang Kad Layak") memenuhi kriteria yang ditetapkan di dalam ini:
- (a) Pengecualian Fi Tahunan
 - i. Pemegang Kad NTC yang dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit Layak ("seperti ditakrif dalam Fasal 22 di bawah") menggunakan setiap Kad Layak (termasuk kad tambahan) yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Promosi ini akan berhak mendapat pengecualian fi tahunan tahun pertama bagi setiap Kad Layak.

Penyedia perkhidmatan SMS bagi Promosi ini ialah M3 Technologies (Asia) Berhad ("M3 Tech") dan M3 Tech akan memberitahu Pemegang Kad NTC sebaik sahaja Kad Layak mereka diluluskan melalui SMS.
 - ii. Pengecualian fi tahunan bagi tahun-tahun seterusnya adalah tertakluk kepada terma dan syarat pengecualian fi tahunan yang sedia ada. Untuk butiran lanjut, sila rujuk kepada halaman produk di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB").
 - (b) Bonus Kad Kredit RM50
 - i. Pemegang Kad NTC yang memohon Kad Layak melalui Laman Web HLB ("Saluran Dalam Talian") akan diberi Bonus Kad Kredit RM50 ("Bonus Kad Kredit").
 - ii. Kakitangan HLB dan/atau HLISB tidak layak mendapat Bonus Kad Kredit.
 - (c) Pulangan Tunai Kad Kredit atau Baucar Kad Kredit
 - i. Pemegang Kad NTC yang memenuhi SEMUA terma dan syarat berikut akan diberi Pulangan Tunai Kad Kredit masing-masing ("Pulangan Tunai Kad Kredit") atau Baucar Kad Kredit KFC ("Baucar Kad Kredit"):-

Kategori	Terma & Syarat	Pulangan Tunai (RM)	Jumlah Pulangan Tunai Dihadkan (RM)	Baucar Kad Kredit KFC (RM)	Jumlah Baucar Dihadkan Setakat (RM)
A	a. Melakukan Perbelanjaan Runcit Layak minimum RM2,000 dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak; DAN b. Mendaftar diri untuk Pengebilan Auto minimum 12 bulan menggunakan Kad Layak dengan mana-mana biller dalam masa enam puluh (60) hari tarikh kelulusan Kad Layak dan caj Pengebilan Auto mestilah dicaj kepada Kad Layak selepas itu. Bagi mengelakkan keraguan, mana-mana Pengebilan Auto bersabit dengan bayaran atau transaksi yang dibuat kepada Kerajaan dan/atau melalui JomPay tidak layak menerima Pulangan Tunai.	300	200,000		200,000
B	Melakukan Perbelanjaan Runcit Layak minimum RM1,000 dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak.			Satu (1) Baucar KFC bernilai RM100	400 Baucar KFC bernilai RM100 setiap satu
C	Melakukan Perbelanjaan Runcit Layak minimum RM500 dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak.	50	90,000		90,000
Kad Kredit Bonus	Memohon melalui Saluran Dalam Talian – tanpa mengira sama ada Kategori A atau B atau C di atas yang dipilih	50	10,000		10,000

Perhatian: Pengebilan Auto

- Pembatalan Pengebilan Auto tidak dibenarkan sebelum tarikh luput tempoh langganan. HLB berhak menolak balik Pulangan Tunai Kad Kredit jika berlaku penamatan awal pengebilan auto atau jika Pemegang Kad Layak menamatkan Pengebilan Auto mereka sebelum matang 12 bulan.
- Bagi tujuan pembahagian Pulangan Tunai Kad Kredit dalam Promosi ini, Perbelanjaan Runcit Layak (seperti ditakrif dalam Fasal 22 di bawah) hendaklah termasuk amaun Pengebilan Auto dalam pengiraan Perbelanjaan Runcit Layak sebanyak RM2,000 seperti disebut dalam Kategori A di atas.
- HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemegang Kad NTC tidak dapat mendaftar diri untuk Pengebilan Auto dengan mana-mana biller dan/atau transaksi Pengebilan Auto tidak berjaya dilaksanakan dalam jangka masa yang ditetapkan dalam Promosi ini biar apa pun sebabnya.

- HLB berhak meminta bukti transaksi dan/atau rekod Pengebilan Auto daripada Pemegang Kad Layak.
17. Setiap Pemegang Kad Layak berhak mendapat satu (1) kali Pulangan Tunai Kad Kredit atau Baucar Kad Kredit sahaja sepanjang Promosi. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai Kad Kredit maksimum, termasuk Bonus Kad Kredit, bagi Promosi ini dihadkan setakat RM300,000, atas dasar siapa cepat dia dapat. Jumlah peruntukan Baucar Kad Kredit maksimum bagi Promosi ini dihadkan setakat 400 keping bernilai RM100 setiap satu, atas dasar siapa cepat dia dapat.
 18. Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi segala terma dan syarat yang dinyatakan dalam Fasal 16(b) dan Fasal 16(c)(i) di atas, Bonus Kad Kredit dan jumlah Pulangan Tunai Kad Kredit akan dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad Layak dan Baucar Kad Kredit akan dikirimkan kepada Pemegang Kad Layak dalam masa satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak. Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB melalui penyiaran senarai Pemegang Kad Layak dalam Laman Web HLB mulai dari 1 Julai 2018 (“Tarikh Pemberitahuan”).
 19. Pemenuhan dan penyampaian Baucar Kad Kredit akan dilakukan oleh pengedar tunggal Baucar Kad Kredit atau disokong oleh penyedia khidmat pemenuhan sah HLB, PCM Perfect Marketing Sdn Bhd (“PCM”), yang boleh dihubungi di talian 03-6280 1212 atau Talian Khidmat Pelanggan: 1300-80-0133 (dari 9.00 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat). Sebarang permintaan supaya Baucar Kad Kredit disampaikan kepada alamat yang lain selain alamat pengebilan Pemegang Kad Layak tidak akan dilayani.
 20. Sekiranya Bonus Kad Kredit dan/atau Pulangan Tunai Kad Kredit dan/atau Baucar Kad Kredit tidak diterima, maka Pemegang Kad Layak hendaklah memberitahu HLB dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh Pemberitahuan, jika gagal berbuat demikian, maka Pemegang Kad Layak dianggap telah menerima Bonus Kad Kredit dan/atau Pulangan Tunai Kad Kredit dan/atau Baucar Kad Kredit dan sebarang rayuan untuk bayaran ganti Bonus Kad Kredit dan/atau Pulangan Tunai Kad Kredit dan/atau Baucar Kad Kredit tidak akan dilayani.
 21. HLB tidak berkewajipan memaklumkan kepada Pemegang Kad Layak jika Pulangan Tunai Kad Kredit mencecah had maksimum Pulangan Tunai Kad Kredit dan/atau peruntukan Baucar Kad Kredit semasa Tempoh Promosi.
 22. Perbelanjaan Runcit Layak didasarkan pada kriteria berikut:
 - (a) Hendaklah termasuk transaksi runcit, insurans, bayaran bil, fi keahlian dan transaksi dalam talian, arahan tetap, Pelan Bayaran Lanjutan (EPP) diurus niaga di dalam dan di luar negara.
 - (b) Hendaklah tidak termasuk pendahuluan tunai, Pindahan Baki (BT), Call-for-Cash (CFC), Call-for-Cash Plus (CFC+), Pelan Bayaran Fleksi (FPP), pindahan dana, fi dan caj yang dikenakan oleh HLB.
 - (c) Perbelanjaan Runcit Layak Terkumpul oleh Pemegang Kad Tambahan di bawah akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak yang sama akan dimasukkan dalam pengiraan Perbelanjaan Runcit Layak terkumpul Pemegang Kad Layak.
 23. Perbelanjaan Runcit Layak TIDAK TERMASUK yang berikut:
 - (a) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - (b) Pembayaran Fi Pengeluaran /Fi Tahunan/ Fi Pembaharuan Kad Kredit/Kad Debit/-i ; atau
 - (c) Apa-apa bentuk lain fi perkhidmatan atau pelbagai (termasuk Caj Penalti oleh HLB) yang dikenakan oleh Bank.

24. Promosi ini tidak terpakai bersama-sama dengan mana-mana promosi HLB/HLISB yang sedang berjalan melainkan dinyatakan sebaliknya.

PEMBIAYAAN HARTANAH/-i: PROMOSI PELAN TAKAFUL PERLINDUNGAN RUMAH 6 BULAN (PROMOSI C)

KELAYAKAN

25. Promosi terbuka kepada individu baharu dan juga sedia ada yang memohon mana-mana kemudahan pinjaman Konvensional dan/atau Islamik sertaan terpilih (“Kemudahan Sertaan”) seperti yang dipaparkan di bawah ini kepada Bank dengan amaun kemudahan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000) semasa Tempoh Promosi :-
- Pinjaman Perumahan/Kedai Hong Leong;
 - Pinjaman Perumahan/Kedai MortgagePlus Hong Leong;
 - Pembiayaan Hartanah Fleksi-i CM Hong Leong (Pembiayaan Perumahan/Kedai) (“Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak”).
26. Promosi ini terbuka kepada Kemudahan Sertaan bagi pembiayaan semula serta juga pembiayaan belian hartanah kediaman dan bukan kediaman yang siap dan sedang dibina.
27. Bagi mengelakkan keraguan, golongan berikut TIDAK layak menyertai Promosi ini:
- (a) Kakitangan tetap dan kontrak Hong Leong Group (termasuk subsidiarinya dan syarikat-syarikat berkaitan);
 - (b) Kakitangan Bank, rakan perniagaan Bank, wakil atau ejen (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan promosi) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (contoh, pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik);
 - (c) Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; atau
 - (d) Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan apa-apa kesalahan seperti dinyatakan di dalam ini hendaklah serta-merta terlucut daripada menyertai Promosi.

PROMOSI

28. Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak dikehendaki menerima Surat Tawaran Kemudahan Sertaan pada atau sebelum 31 Julai 2018 (“Tarikh Penerimaan”) untuk layak menikmati “Pakej Harga Promosi” seperti berikut bagi Promosi ini:-
- a) Liputan Pelan Takaful Perlindungan Rumah 6 bulan bernilai RM10,000.00 (“Pelan Takaful”) bagi hartanah dengan alamat tertera seperti Alamat Kediaman dalam Seksyen E, Bahagian A Borang Permohonan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah.
 - b) Tempoh liputan Pelan Takaful akan mula berkuatkuasa dari Tarikh Penerimaan

- c) Penaja jamin: Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M) (juga dikenali sebagai HLMT) beralamat Aras 5, Menara B, PJ City Development, No.15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor (“Pengendali Takaful”).

29. Bidang Liputan:

Jenis Liputan	Perihal Hartanah (Lokasi Risiko)	Jumlah Lindungan (RM)	Tempoh Liputan
Kecurian	<ul style="list-style-type: none"> Dihadkan kepada satu (1) rumah berdaftar didiami Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak, sama ada dimiliki atau disewa mengikut akuan yang dibuat dengan HLMT Hartanah yang dilindungi (Lokasi risiko) akan berdasarkan alamat kediaman yang diberi kepada Bank (iaitu alamat Kediaman tertera dalam Seksyen E, Bahagian A dalam borang permohonan Pinjaman/Pembiayaan Hartanah/-i) 	Kerugian Pertama 10,000.00	6 bulan dari tarikh penerimaan pembiayaan

- Membayar ganti rugi Pelanggan Hartanah/-i Layak “Peserta” daripada kerugian harta akibat kecurian berikutan pecah rumah sebenar secara paksa dan kekerasan ke dalam atau ke luar hartanah kediaman oleh mana-mana orang akibat rompakan bersenjata atau rompakan berkekerasan. Lindungan juga diperluas untuk meliputi kerugian atau kerosakan terhadap hartanah kediaman “Peserta” disebabkan kecurian atau ugutan cubaan.

30. Notis Tuntutan:

- Bagi tuntutan takaful, “Peserta” hendaklah mengisi dan mengemukakan borang tuntutan berisi butiran penuh yang dikehendaki kepada Pengendali Takaful dalam masa enam puluh (60) hari selepas mengalami sebarang kerugian atau kerosakan, jika gagal berbuat demikian, perlindungan itu dianggap telah luput dan Pengendali Takaful tidak boleh dipertanggungjawab terhadap apa-apa pertikaian lanjut.
- Pihak menuntut boleh menghubungi Pengendali Takaful secara terus di talian (603) 7650 1800 dalam waktu pejabat dari Isnin – Jumaat: 9.00 pagi – 6.00 petang atau emel kepada ReachUs@takaful.hongleong.com.my untuk mendapatkan borang tuntutan.
- Untuk mendapat senarai lengkap kekecualian dan maklumat tambahan mengenai Pelan Takaful Perlindungan Rumah, sila hubungi Pengendali Takaful secara terus.
- Tanpa mengesampingkan terma dan syarat yang ditetapkan bagi Promosi ini, pembayaran tuntutan takaful adalah bergantung kepada Peserta memenuhi dan menepati segala syarat dan mengemukakan segala dokumen, maklumat dan/atau permintaan seperti yang ditetapkan dalam borang tuntutan.

31. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang tuntutan berkenaan dengan Pelan Takaful Perlindungan Rumah ini hendaklah diselesaikan antara “Peserta” dengan Pengendali Takaful dan Bank hendaklah menghulurkan segala pertolongan yang munasabah, jika perlu. Bank tidaklah dipertanggungjawabkan untuk membuat apa-apa bayaran tuntutan takaful kepada Peserta.

32. Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak akan menikmati Pakej Harga Promosi dengan tempoh pegangan/terkunci 3-tahun, yang akan bermula dari tarikh pembayaran pertama Kemudahan Serta. Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak menentukan /

menamatkan Kemudahan Sertaan sebelum matang tempoh pegangan/terkunci 3 tahun, maka peruntukan fasal penebusan awal dalam Surat Tawaran akan terpakai.

33. Pelanggan Pembiayaan Hartanah/-i Layak berkewajipan memberi segala dokumen dan maklumat berkenaan kepada Bank dan/atau memenuhi kehendak-kehendak seperti ditetapkan oleh Bank (jika ada) semasa mengemukakan permohonan Kemudahan Sertaan supaya Bank dapat meluluskan Kemudahan Sertaan tepat masanya. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku kelewatan dalam mengeluarkan Surat Tawaran selepas Tarikh Penerimaan biar apa pun sebabnya.

PROMOSI PEMBIAYAAN AUTO/-i: PELAN TAKAFUL PERLINDUNGAN RUMAH SELAMA 6 BULAN (PROMOSI D)

KELAYAKAN

34. Promosi terbuka kepada seluruh pelanggan individu baharu Bank dan juga sedia ada yang permohonan Pembiayaan Auto Hong Leong (HLAF) mereka:
- diterima dalam masa Tempoh Promosi: 30 Mei 2018 hingga 30 Jun 2018 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Pelanggan Pembiayaan Auto Berkelayakan”); dan
 - pembiayaan HLAF dibayar/dikeluarkan dibiayai selewat-lewatnya 31 Julai 2018 (tarikh akhir) (kemudian daripada ini disebut “Pelanggan HLAF Layak”)
35. Bagi mengelakkan keraguan, golongan berikut TIDAK layak menyertai Promosi ini:
- Kakitangan tetap dan kontrak Hong Leong Group (termasuk subsidiarinya dan syarikat-syarikat berkaitan);
 - Kakitangan Bank, rakan perniagaan Bank, wakil atau ejen (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan promosi) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (contoh, pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik);
 - Pelanggan Pembiayaan Harta Auto/-i Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada dari bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; atau
 - Pelanggan Pembiayaan Harta Auto/-i Layak yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan apa-apa kesalahan seperti dinyatakan di dalam ini hendaklah serta-merta terlucut kelayakannya daripada menyertai Promosi.

PROMOSI

36. Pelanggan HLAF Layak akan menerima perlindungan Pelan Takaful Perlindungan Rumah selama 6 bulan bernilai RM10,000.00 (“Pelan Takaful”) bagi harta dengan alamat dinyatakan sebagai Alamat Kediaman dalam Bahagian A, sekyen Permohonan Individu dalam Borang Permohonan Pinjaman Auto/Pembiayaan Auto.
37. Penaja jamin: Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M) (juga dikenali sebagai HLMT) beralamat Aras 5, Menara B, PJ City Development, No.15A, Jalan 219, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor (“Pengendali Takaful”).

38. Bidang Liputan:

Jenis Liputan	Perihal Harta (Lokasi Risiko)		Jumlah Lindungan (RM)	Tempoh Liputan
Kecurian	<ul style="list-style-type: none"> Dihadkan kepada satu (1) rumah berdaftar didiami Pelanggan Pembiayaan Auto/-i Layak, sama ada dimiliki atau disewa mengikut akuan yang dibuat dengan HLMT Harta yang dilindungi (Lokasi risiko) akan berdasarkan alamat kediaman yang diberi kepada Bank (iaitu alamat Kediaman tertera dalam Bahagian A, seksyen Pemohon Individu dalam borang permohonan Pinjaman Auto/Pembiayaan Auto) 	Kerugian Pertama	10,000.00	6 bulan dari tarikh pembayaran pembiayaan

- Membayar ganti rugi Pelanggan Harta Auto/-i Layak “Peserta” bagi kerugian harta akibat kecurian berikutan pecah rumah sebenar secara paksa dan kekerasan keganasan ke dalam atau ke luar harta kediaman oleh mana-mana orang akibat rompakan bersenjata atau rompakan berkekerasan dengan keganasan. Lindungan juga diperluas untuk meliputi kerugian atau kerosakan terhadap harta kediaman “Peserta” disebabkan kecurian atau ugutan cubaan.

39. Notis Tuntutan:

- Bagi tuntutan takaful, “Peserta” hendaklah mengisi dan mengemukakan borang tuntutan berisi butiran penuh yang dikehendaki kepada Pengendali Takaful dalam masa enam puluh (60) hari selepas mengalami sebarang kerugian atau kerosakan, jika gagal berbuat demikian, perlindungan itu dianggap telah luput dan Pengendali Takaful tidak boleh dipertanggungjawab terhadap apa-apa pertikaian lanjut selanjutnya.
 - Pihak menuntut boleh menghubungi Pengendali Takaful secara terus langsung di talian (603) 7650 1800 dalam pada waktu pejabat dari Isnin – Jumaat: 9.00 pagi – 6.00 petang atau emel kepada ReachUs@takaful.hongleong.com.my untuk mendapatkan borang tuntutan.
 - Untuk mendapat senarai lengkap kekecualian pengecualian dan maklumat tambahan mengenai Pelan Takaful Perlindungan Rumah, sila hubungi Pengendali Takaful secara terus langsung.
 - Tanpa mengesampingkan terma dan syarat yang ditetapkan bagi Promosi ini, pembayaran tuntutan takaful adalah bergantung kepada Peserta memenuhi dan menepati segala syarat dan mengemukakan segala dokumen, maklumat dan/atau permintaan seperti yang ditetapkan dalam borang tuntutan.
40. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang tuntutan berkenaan dengan Pelan Takaful Perlindungan Rumah ini hendaklah diselesaikan antara “Peserta” dengan Pengendali Takaful dan Bank hendaklah menghulurkan segala pertolongan yang munasabah, jika perlu. Bank tidaklah dipertanggungjawabkan untuk membuat apa-apa bayaran tuntutan takaful kepada Peserta.
41. Pelanggan Pembiayaan Auto/-i berkewajipan memberi segala dokumen dan maklumat berkenaan kepada Bank dan/atau memenuhi kehendak-kehendak seperti ditetapkan oleh Bank (jika ada) semasa

mengemukakan permohonan HLAF supaya Bank dapat meluluskan HLAF tepat pada masanya. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya tarikh pembiayaan terlewat biar apa pun sebabnya. Sebarang pertikaian mengenai kelewatan pembiayaan HLAF atau penolakan permohonan tidak akan dilayani.

UMUM

42. Pemegang Akaun CASA/-i Layak, Pemegang Kad NTC, Pelanggan HLAF Layak dan Pelanggan Pembiayaan Harta/-i Layak secara kolektif dikenali sebagai “Pelanggan”.

Pemberian Peserta Terawal, Pulangan Tunai Kad Kredit, Bonus Kad Kredit dan/atau Baucar Kad Kredit dan Pelan Takaful Perlindungan Rumah secara kolektif dikenali sebagai “Pemberian”.

Promosi A, B, C dan D secara kolektif dikenali sebagai “Kempen” dan setiap satunya sebagai “setiap Promosi”.

43. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan:

- (a) bersetuju telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Kempen;
- (b) bersetuju bahawa keputusan HLB/HLISB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB/HLISB tidak akan dilayani;
- (c) bersetuju bahawa Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun HLB/HLISB, Perjanjian Pemegang Kad dan Terma & Syarat berkenaan yang lain hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut; dan
- (d) bersetuju bahawa semua rekod transaksi kad kredit bagi Perjanjian Runcit Layak di dalam atau di luar Malaysia yang dirakamkan oleh sistem HLB dalam masa Tempoh Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
- (e) bersetuju bahawa semua rekod transaksi yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam masa Tempoh Kempen dan senarai Pelanggan adalah tepat dan muktamad;
- (f) bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat yang dikenakan oleh HLMT berkenaan dengan Pelan Takaful Perlindungan Rumah dalam Sijil Induk;
- (g) bersetuju bahawa semua permohonan Kemudahan Pembiayaan Harta Sertaan adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan Bank;
- (h) bersetuju untuk mengakses laman Sesawang HLB di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”) dan Laman Sesawang HLISB di www.hlisb.com.my (“Laman Web HLISB”) dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
- (i) keizinan bagi HLB/HLISB mendedahkan atau menerbitkan nama, nombor Kad Pengenalan atau Nombor Pasport (dalam bentuk terlindung) dan/atau foto mereka dalam Laman Web HLB, Laman Web HLISB atau dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanans;
- (j) membenarkan HLB/HLISB untuk mendedahkan data peribadi mereka (iaitu nama, Nombor Kad Pengenalan, alamat emel dan/atau butir-butir nombor telefon, jika berkenaan) kepada penyedia perkhidmatan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada HLMT, dCatalyst dan M3Tech untuk tujuan pengendalian dan pemenuhan Kempen ini;

- (k) bersetuju untuk berurus dengan biller bagi terma dan syarat selanjutnya berkaitan dengan Pengebilan Auto dan untuk berurus secara terus dengan biller mengenai apa-apa pertikaian atau isu tanpa bantuan Bank.

44. HLB/HLISB berhak:

- (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara mutlakinya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB/HLISB atau dengan apa-apa cara yang dianggap wajar oleh Bank;
- (b) menggantikan mana-mana atau kesemua Pemberian dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
- (c) menolak dengan budi bicara mutlakinya sebarang permohonan Kad Layak yang dikemukakan tanpa menyatakan sebarang sebabnya;
- (d) menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak untuk menyertai Kempen B atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB menurut budi bicara mutlakinya. Khususnya, HLB mempunyai hak mutlak untuk menolak kelayakan Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit Layak menurut pengertian Terma & Syarat ini, dengan cara dan pola yang HLB anggap di luar kelaziman, luar aturan dan/atau memberi petanda suatu percubaan untuk mendapat kelebihan tak adil berbanding Pemegang Kad Layak lain yang mempunyai pola perbelanjaan yang lazim/ikut aturan, dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad Layak;
- (e) melupuskan dan/atau menolak balik mana-mana atau kesemua Pemberian Kad Kredit dan/atau Pengecualian Fi Tahunan sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi;
- (f) melupuskan dan/atau menolak balik Pemberian Kad Kredit dan/atau Pengecualian Fi Tahunan dalam keadaan apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit Layak atau penamatan Kad-kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau pada ketika Pemberian Kad Kredit hendak dibahagikan atau ketika Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi;
- (g) meminda Pemberian Kad Kredit dan/atau Pengecualian Fi Tahunan dan/atau menggantikan Pemberian Kad Kredit dengan pemberian lain yang sama nilainya atas budi bicara mutlakinya, melalui penyiaran dalam Laman Web HLB yang dianggap sesuai oleh HLB, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Layak; dan
- (h) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar oleh HLB/HLISB menurut budi bicara mutlakinya daripada menyertai Kempen ini dan/atau berhak mendapat Pemberian; dan
- (i) melupuskan Pemberian sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi; dan
- (j) melupuskan Pemberian dalam keadaan apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Layak, penamatan Kad Kredit HLB atas apa jua sebab sekalipun semasa Tempoh Kempen atau apabila terma dan syarat di dalam ini tidak dipatuhi.

45. Setiap Pelanggan berhak mendapat satu (1) Pemberian bagi setiap Promosi atas dasar siapa cepat dia dapat dan bergantung kepada ketersediaan stok semasa Tempoh Kempen dan tertakluk kepada terma dan syarat setiap Promosi.

46. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB/HLISB atau telah

diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan sebelum atau semasa Tempoh Kempen TIDAK layak menyertai mana-mana Promosi dan/atau TIDAK berhak mendapat Pemberian.

47. Pelanggan adalah dipertanggungjawabkan dan hendaklah menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan, segala kos berkaitan dengan penyampaian atau pemasangan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen dan/atau pengambilan Pemberian.
48. HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab terhadap kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan oleh Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, syarikat-syarikat Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Layak tertinggal daripada menyertai Promosi B;
49. Semua akaun Kad Layak Pemegang Kad Layak mestilah sah/aktif, berkedudukan baik dan mesti tidak melanggar mana-mana terma dan syarat Promosi B dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad pada ketika Pemberian Kad Kredit dibahagikan.
50. Pemberian akan dibahagikan atas dasar "Sebagaimana Ada". Pemberian yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Pemberian dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah menjadi sebahagian Pemberian itu.
51. HLB/HLISB tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Pemberian dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Pemberian yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh syarikat pembuat di bawah waranti atau tidak). Pelanggan hendaklah mengurus terus dengan syarikat peniaga dan/atau pembuat berkenaan bagi segala maklumat waranti dan tuntutan tanpa bantuan HLB/HLISB.
52. Pemberian tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.
53. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma & Syarat muktamad dalam Laman Web HLB/HLISB akan diutamakan.
54. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan HLAIF Layak dan Pelanggan Pembiayaan Harta/i Layak bersetuju untuk mematuhi terma dan syarat Pengendali Takaful berkenaan yang mengawal Pelan Takaful Perlindungan Rumah, yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa tanpa memberi notis awal. Bagi mengelakkan keraguan, Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang perubahan / pemindaan terma dan syarat mengenai Pelan Takaful Perlindungan Rumah oleh Pengendali Takaful dan apa-apa kemusykilan atau pertikaian berkenaan pemindaan / perubahan tersebut tidak akan dilayani oleh Bank dan Pelanggan hendaklah menyelesaikannya secara terus dengan Pengendali Takaful.
55. Di samping terma-terma yang ditetapkan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa terma dan syarat am dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB, Kontrak Takaful, Terma dan Syarat Am Akaun / Pembiayaan Auto-i / Pembiayaan Harta-i / Akaun Semasa dan Simpanan Hong Leong (Tawarruq CASA-i) atau terma dan syarat berkenaan yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini berbanding dengan terma dan syarat am yang terkandung dalam Perjanjian Pemegang Kad, Kontrak Takaful, Terma dan Syarat Am Akaun / Pembiayaan Auto-i / Pembiayaan Harta-i / Akaun Semasa dan Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), maka terma-terma tertentu seperti di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

56. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
57. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua gender lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Produk-produk Deposit/Deposit-i adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).